

01/01/1997

Kerjasama kerajaan, rakyat hasilkan kestabilan

KUALA LUMPUR, Selasa - Ketenteraman, kesejahteraan dan kestabilan politik yang dinikmati sepanjang 1996 bukan wujud secara kebetulan tetapi berkat usaha, kegigihan serta kerjasama erat antara kerajaan dan rakyat.

Beberapa tokoh masyarakat yang mengucapkan selamat tahun baru hari ini, berpendapat pencapaian dan kejayaan sepanjang tahun ini adalah hasil kestabilan politik, ekonomi, sosial dan peranan yang disumbangkan oleh rakyat berbilang kaum.

Ahli Lembaga Pengarah Perdana Management Consultancy Sdn Bhd, Dr Barjoyai Bardai, berkata prestasi ekonomi negara mencapai tahap memberansangkan dengan perkembangan melebihi kadar 8.5 peratus sepanjang 10 tahun berturut-turut.

"Ini membuktikan Malaysia sebuah negara yang pesat membangun dan tidak perlu memperlahan perkembangan itu bagi memastikan kestabilan ekonomi terus maju.

"Lima tahun kebelakangan ini, berlaku anjakan paradigma dalam belanjawan iaitu menggunakan konsep memberi daripada meminta berbanding belanjawan sebelumnya yang mengenakan pelbagai cukai dan duti.

"Paradigma baru itu memperlihatkan pelbagai cukai serta duti dikurangkan malah ada yang dihapuskan, dan pencapaian ini tidak dapat dihayati oleh penganalisis ekonomi barat," katanya.

Ketua Pengarah Institut Kefahaman Islam Malaysia (Ikim), Datuk Ismail Ibrahim, berkata Malaysia memainkan peranan penting dalam meningkatkan kefahaman Islam terutama kepada mereka yang bukan Islam.

Ikim akan cuba meluaskan pemahaman mengenai Islam di kalangan dunia antarabangsa dalam semua aspek kehidupan termasuk bidang sains, teknologi dan ilmu pengetahuan.

"Diharapkan tahun akan datang, Ikim dapat meningkatkan usaha itu supaya lebih mantap dan menyeluruh serta menyatukan pandangan semua pihak tanpa terikat dengan fahaman politik dan ekonomi melalui pendekatan berhikmah dan sederhana," katanya.

Dekan Fakulti Pengajian Islam Universiti Kebangsaan Malaysia, Datuk Dr Abdul Shukor Hussin, beranggapan cabaran tahun hadapan lebih getir dalam memenuhi kehendak pendidikan terutama pendidikan Islam.

Timbalan Presiden Persatuan Pekilang Bumiputera Malaysia, Mejar (B) Abd Rahman Ibrahim, beranggapan tahun 1996 adalah pembuka ruang kepada usahawan untuk lebih aktif dalam perniagaan mereka pada masa depan.

Kewujudan peluang yang dibuka Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad menerusi hubungan diplomatik dengan negara luar perlu dimanfaatkan sepenuhnya oleh usahawan.

"Apabila beliau pergi ke mana-mana, Perdana Menteri memastikan usahawan negara berpeluang menceburi industri di negara terbabit dan kesempatan itu tidak harus dibiarkan oleh mereka," katanya.

(END)